

Air lombong jadi alternatif atasi krisis air

SHAH ALAM – Kerajaan negeri Selangor menolak tawaran bantuan kerajaan Persekutuan dan Negeri Sembilan untuk menyalurkan bekalan air mentah ke negeri itu, sebaliknya memilih pendekatan untuk mengepam air dari bekas lombong bagi mengatasi krisis air yang dihadapi.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerja-kerja pengepaman air itu melibatkan sembilan daripada 26 bekas lombong bijih timah yang terdapat di sekitar negeri ini.

“Kerja-kerja mengepam air dari bekas lombong terbabit telah dimulakan sejak tiga hari (Ahad) lalu menggunakan pam berkapasiti tinggi yang mampu mengepam 50 juta liter air sehari (JLH).

“Sumber air bekas lombong yang dipam tadi akan dialirkan ke Sungai Selangor bagi meningkatkan paras air di Empangan Sungai Selangor,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco mingguan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini semalam.

Empangan Sungai Selangor



KHALID



PARAS air Empangan Sungai Selangor masih belum mencapai tahap normal sehingga memaksa catuan bekalan air dilakukan.



yang terletak di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor membekalkan 60 peratus daripada keperluan air bersih pendu-

duk Lembah Klang.

Abdul Khalid berkata, kesemua sembilan bekas lombong berkenaan yang berusia

lebih 20 tahun terletak berhampiran dengan lembangan Sungai Selangor.

Menurut beliau, kerajaan Selangor telah meluluskan peruntukan segera sebanyak RM10 juta bagi membina infrastruktur mengepam air dari bekas lombong tersebut.

“Kerja-kerja (mengepam air bekas lombong) itu dilaksanakan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri.

“Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr. Yunus Hairi telah diberi tanggungjawab untuk menyelia projek itu,” katanya.

Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri menyasar mengalirkan sekurang-kurangnya 900 JLH air dari bekas lombong ke Sungai Selangor bagi meningkatkan kapasiti air di Empangan Sungai Selangor.

Dalam perkembangan sama, beliau memberi jaminan sumber air dari bekas lombong bijih timah terbabit berkualiti dan tidak memberi kesan kesihatan kepada pengguna.

“Kita telah membuat kajian yang mendapati air dari bekas lombong terbabit telah melepasi ujian alam sekitar. Malah Jabatan Alam Sekitar turut dibabitkan dalam projek ini,” katanya.